

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : [s.l]
Tarikh : 20 JANUARI 2000
Tajuk : MAJLIS PENYERAHAN CEK OLEH Pengerusi Tabung Barisan Bertindak Kosovo (BBK) kepada YB Menteri Luar

YB Datuk Dr. Leo Michael Toyad

YBhg. Datuk Abdul Kadir Mohamad

YBhg. Encik Saifuddin Abdullah

Tuan-Tuan dan Puan- Puan yang dihormati sekalian,

Saya merasa gembira kerana dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan di majlis kemuncak penutupan satu usaha murni yang telah dilaksanakan oleh rakyat Malaysia untuk membantu rakyat Kosova yang memerlukan bantuan kemanusiaan. Tabung Barisan Bertindak Kosovo (Tabung BBK) yang telah ditubuhkan oleh media massa Malaysia atas inisiatif YBhg. Datuk Abdul Kadir Jasin, Ketua Pengarah Kumpulan, The New Straits Times Press (M) Sdn. Berhad, merangkap Pengerusi Tabung BBK, adalah bertujuan untuk membantu rakyat Kosova yang menderita akibat peperangan di Kosova. Tabung BBK telah mendapat sokongan yang memberangsangkan daripada segenap lapisan masyarakat di Malaysia yang amat perihatin dengan nasib malang yang menimpa rakyat Kosova. Derma serta sumbangan daripada rakyat telah datang mencurah-curah. Bagi saya ini merupakan satu perkembangan yang positif dan amat menggalakkan. Di atas tujuan murni ini serta kejayaannya, saya mengambil kesempatan di majlis ini untuk mengucapkan tahniah dan penghargaan Kerajaan Malaysia kepada YBhg. Datuk Abdul Kadir Jasin, pihak media dan semua yang telah menjayakan Tabung BBK.

2. Keprihatinan dan sifat bermurah hati rakyat Malaysia, walaupun di saat-saat mereka menghadapi masalah akibat kegawatan ekonomi yang melanda Malaysia ketika itu amatlah membanggakan. Lebih dari RM 4 juta telah berjaya dikumpulkan dalam Tabung BBK semenjak ianya dilancarkan pada bulan April 1999. Kerajaan Malaysia sendiri telah menyumbang sebanyak USD250,000.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

3. Pada September 1999, saya telah melakukan lawatan ke Kosova. Tujuan lawatan, antara lain, adalah untuk menyerahkan secara terus sebahagian daripada sumbangan Kerajaan dan rakyat Malaysia kepada rakyat Kosova serta melihat dengan lebih dekat akan keadaan di Kosova dan mengkaji cara-cara yang baik untuk membantu Kosova dan rakyatnya. Sesungguhnya rakyat Kosova telah menderita akibat polisi pembersihan etnik dibawah pimpinan Presiden Slobodan Milosevic. Segala kemudahan awam, prasarana dan beribu-ribu kediaman rakyat Kosova telah musnah. Lebih tragik lagi apabila kehidupan beribu-ribu rakyat Kosova turut musnah akibat kehilangan nyawa ahli keluarga dan orang yang mereka sayangi, kejadian rogol dan penyiksaan yang berleluasa. Pengalaman pahit yang mereka alami itu

sudah tentu akan mengambil masa yang lama bagi mengatasi dan membina semula kehidupan serta ekonomi negara mereka. Sebagai satu masyarakat yang berani dan cekal, saya yakin rakyat Kosova akan bangkit daripada "holocaust" ini dengan lebih teguh dan berkeyakinan bagi membentuk identiti tersendiri, sebagai satu kaum yang mempunyai sejarah kehidupan yang unik di tengah-tengah benua Eropah.

4. Sumbangan rakyat Malaysia kepada rakyat Kosova adalah satu pernyataan yang jelas bahawa mereka tidak kesaorangan dalam perjuangan menuntut keadilan. Saya percaya bahawa sumbangan Malaysia telah dimanfaatkan bagi membeli keperluan-keperluan asas seperti makanan, ubat-ubatan, pakaian dan khemah-khemah sementara untuk pelarian-pelarian Kosova dan meringankan sedikit kesengsaraan yang ditanggung oleh mereka. Sumbangan Malaysia juga digunakan bagi membeli alat-alat kelengkapan untuk sebuah universiti dan pembinaan semula sebuah masjid di Kosova. Saya rasa segala bantuan dan usaha murni rakyat Malaysia ini amat bermakna sekali dan akan dikenang oleh rakyat Kosova.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

5. Malaysia memainkan peranan aktif di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), khususnya dalam membincangkan isu-isu mengenai Kosova. Malaysia akan terus bersuara dalam forum ini bagi mempertahankan hak serta kepentingan rakyat Kosova. Kini terdapat seramai 790 orang anggota keselamatan Malaysia yang sedang berkhidmat di Kosova dibawah naungan PBB. Pada masa akan datang kita akan melihat beberapa langkah lain yang akan diambil oleh Malaysia bagi membantu rakyat Kosova.

6. Sokongan rakyat Malaysia kepada rakyat Kosova adalah sebahagian daripada tradisi kita bagi membantu setiap insan di dunia ini yang memerlukan bantuan. Selain dari Kosova, Malaysia turut menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada beberapa buah negara yang menghadapi peperangan atau malapetaka alam semula jadi seperti di Afghanistan, Indonesia, Papua New Guinea, Cuba, Peru, Pakistan, Korea, Poland dan Bosnia. Tahun lepas Malaysia telah memberi bantuan kemanusiaan kepada mangsa-mangsa ribut taufan "Mitch" di Amerika Tengah, gempa- bumi di Colombia, Turki dan Taiwan serta banjir di Fiji dan Venezuela.

7. Apabila kita merenung akan nasib yang menimpa sebahagian besar penduduk - penduduk di dunia pada masakini, maka kita merasa bertuah sebagai rakyat Malaysia kerana menikmati keamanan, kesetabilan politik dan kemakmuran yang meningkat. Ekonomi Malaysia kini berada atas landasan pemulihan dan kita yakin bahawa ekonomi negara pada masa hadapan akan bertambah baik. Saya berharap apabila ekonomi Malaysia pulih sepenuhnya kelak, ianya akan mendorong Malaysia untuk menyediakan peruntukan yang lebih bagi membantu pihak-pihak yang memerlukan.

8. Dalam hubungan ini juga saya ingin menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan

sekalian terhadap peperangan di Chechnya dan nasib malang yang menimpa rakyatnya. Seperti yang kita ketahui, beribu-ribu kaum wanita, kanak-kanak dan orang-orang tua di Chechnya terpaksa menjadi pelarian di beberapa buah wilayah bersempadan dengan Chechnya, terutamanya di Ingushetia. Di dalam beberapa kenyataan yang dibuat sebelum ini, saya telah menyuarakan pendirian Malaysia dan menyeru kerajaan Persekutuan Rusia agar mengambil segala langkah yang perlu bagi menjamin keselamatan penduduk-penduduk Chechnya yang diancam oleh peperangan di wilayah tersebut.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

9. Pada hari ini saya ingin mengumumkan bahawa Kerajaan Malaysia akan menyumbang sebanyak USD100,000 kepada pihak UNHCR khusus bagi membantu pelarian-pelarian Chechnya. Kementerian Luar Negeri juga akan mengambil langkah untuk meminta Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk menubuhkan satu tabung khas bagi mengumpul segala sumbangan dan derma daripada orang ramai untuk membantu pelarian-pelarian Chechnya. Saya berharap rakyat Malaysia akan sekali lagi menyahut seruan Kerajaan dengan bermurah hati menghulurkan derma dan sumbangan mereka kepada pelarian-pelarian Chechnya melalui tabung khas ini.

Sekian, terima kasih.